



TEKS PERUTUSAN

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA *WORLD RANGER DAY 2018*
(HARI RENJER SEDUNIA 2018)**

31 JULAI 2018

Sambutan Hari Renjer Sedunia merupakan satu acara tahunan yang disambut pada 31 Julai setiap tahun bagi memperingati para renjer yang terbunuh atau cedera semasa menjalankan tugas serta mengiktiraf pengorbanan para renjer, pejuang belantara kita yang bertanggungjawab untuk memastikan sumber semula jadi dan biodiversiti kita dilindungi.

Di Malaysia, renjer bertugas di pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri malah terdapat juga renjer dikalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Renjer ini ibarat pegawai keselamatan bagi pengunjung yang datang beriadah di kawasan perlindungan, sebagai jurutera yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan kemudahan, sebagai jurucakap kepada hidupan liar yang tidak dapat bersuara, sebagai tembok pertahanan bagi pencerobohan di tempat bertugas, sebagai guru alam semulajadi yang mendidik orang awam yang mengunjungi tempat kerja, sebagai pelindung utama kepada sumber biodiversiti dan ekosistem negara yang kaya dengan kepelbagaiannya.

Renjer adalah barisan hadapan dalam mempertahankan sumber biodiversiti negara. Oleh itu, mereka sering terdedah kepada risiko dan ancaman keselamatan. Terdapat renjer kita yang sedang bertugas berdepan dengan pelbagai situasi dan insiden kemalangan, kecederaan, malah ada juga yang diserang oleh penceroboh haram yang memasuki kawasan perlindungan.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberikan penghargaan kepada renjer di seluruh Malaysia yang sanggup mempertaruhkan diri mereka untuk melindungi khazanah biodiversiti daripada kepupusan untuk tatapan generasi akan datang.

Renjer merupakan “**Wira yang tidak didendang atau *Unsung heroes***” yang harus diberi pengiktirafan dan penghormatan oleh semua pihak. Keikhlasan kerja mereka ini dapat dijadikan pedoman untuk semua supaya terus menjalankan tugas yang telah diamanahkan tanpa mengenal penat lelah dan tanpa mengharapkan balasan. Inilah contoh budaya kerja bagi barisan hadapan pelindung sumber asli kita yang menjadi kebanggaan kita semua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para renjer yang mewakili pelbagai agensi dan pertubuhan dari seluruh negara yang bersemangat mengharungi perjalanan getir di dalam hutan kita yang kompleks dan mencabar bagi menjaga dan menyelamatkan khazanah alam semula jadi daripada ancaman mereka yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan akan terus menyokong dan menjaga kebajikan para renjer ini yang selama ini berkorban untuk mempertahankan sumber kekayaan dan khazanah semulajadi Negara kita yang tidak ternilai ini.

Selamat Hari Renjer Sedunia 2018.